

## Lahir jurutera bidang perkayuan

February 18, 2021



**MIRI:** Jurutera lepasan universiti dalam bidang teknologi perkayuan serta mahasiswa diserap ke syarikat berasaskan kayu bagi mewujudkan bidang kerjaya dalam industri perkayuan.

Pegawai Eksekutif Majlis KayuKayan Malaysia (MTC) Muhtar Suhaili berkata, untuk tujuan itu MTC melancarkan Program Penempatan Jurutera dan Latihan Prasiswazah dalam industri kayukayan pada Mac depan.

“Keperluan khidmat jurutera menjadi lebih penting apabila syarikat berasaskan kayu mula beralih ke arah pendigitalan dan pembuatan pintar akibat kesan pandemik Covid-19 terhadap perniagaan,” katanya di sini baru-baru ini.

Muhtar Suhaili memberitahu program terbabit akan menggabungkan kerjasama antara MTC, institusi pengajian dan politeknik tempatan serta persatuan kayu-kayan.

Malahan, kebanyakan perincian dalam proses pembuatan akan mudah difahami oleh jurutera yang menyertai program terbabit. “Ini sebahagian daripada Pelan Lima Tahun MTC yang memberi tumpuan kepada membina dan meningkatkan bilangan pekerja yang berpengetahuan dalam industri,” ujarnya.

Mukhar Suhaili menarik perhatian Program Penempatan Jurutera merupakan program ditawarkan kepada jurutera untuk menjalani latihan di tempat kerja di bawah bimbingan profesional selama setahun. Sementara Program Latihan Prasiswazah terbuka kepada mahasiswa yang sedang melakukan latihan industri.

Kos latihan serta elaun akan ditanggung oleh MTC. Muhtar berkata program itu dilancarkan pada Mac oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali bersamasama Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad yang turut menyaksikan majlis menandatangani MoU antara MTC dengan enam persatuan kayu-kayan, lapan universiti dan dua politeknik.

MTC ditubuhkan pada Januari 1992 untuk menggalakkan pembangunan dan pertumbuhan industri perkayuan Malaysia di peringkat global.



## LANGGANI

Langganlah Suara Sarawak

Pandangan dan analisis unik bagi cerita berkaitan Asia Tenggara

SS HARI INI: EDISI BERITA ANTARABANGSA

EMEL \*

LANGGAN

Dengan melanggan, anda bersetuju dengan Syarat Penggunaan dan Dasar Privasi Suara Sarawak.



### Berita Pilihan



**Empat lelaki ditahan miliki dadah jenis syabu**



**Pasar tani, tamu, malam di Kuching dan Kota Samarahan tidak dibenarkan beroperasi**



**Sukan boleh eratkan silaturahmi kakitangan agensi kerajaan**

### Berita Terkini




**Empat lelaki ditahan miliki dadah jenis syabu**



**Operasi SAR Layang disambung semula esok**



**Covid-19: Daerah Sri Aman kembali ke status kuning, hari ini**



**Covid-19: Dua kematian di Sibu, 200 kes baharu di Sarawak**



**38 pemain buru tempat skuad Kuching City 2**


Objektif utamanya mempromosikan dan membangunkan pasaran bagi produk kayu Malaysia di peringkat global, menggalakkan pembangunan industri dengan meningkatkan penggunaan teknologi, meningkatkan bekalan bahan mentah, menyediakan perkhidmatan maklumat dan meningkatkan imej industri per kayu Malaysia di persada dunia. Maklumat lanjut mengenai aktiviti MTC boleh diperolehi dari [www.mtc.com.my](http://www.mtc.com.my).



**Covid-19: Kuching kembali zon merah, satu kluster baharu di Kapit**



**ADUN Repok hulu sumbangan kilat bantu ringan beban mangsa kebakaran**



**Covid-19: Dua kematian di Sibul, 200 kes baharu di Sarawak**

## Tweet Terkini

Jan 15th, 2021

#Kuching | Manah agi enti Sarawak enda nurutka surat gerah Opis Menteri Pelajar Malaysia (KPM) muka sekula kena 20 Januari tu.

...

Jan 15th, 2021

#Kuching | Sebanyak 46 buah kenderaan diarahkan berpatal balik selepas gagal menunjukkan sebarang permissah rentas daerah ketika melalui Sekatan ...

Jan 15th, 2021

#JAKARTA | Gempa bumi kuasa 6.2 Skala Richter di Sulawesi Barat, Indonesia, awal pagi tadi, dikhuatiri mengorbankan lebih ramai mangsa dengan tiga ...

### Leave a reply

Default Comments (0) Facebook Comments

Your email address will not be published.


Comment

Your name \*

Your email \*

Save my name, email, and website in this browser for the next time I comment.

Add Comment



**Suara Sarawak**  
5 minit yang lalu

Situasi banjir kilat di Kampung Si ketika ini.

Kredit video: Pusat Gerakan Ger Bomba Sarawak

4 Komen Kongsi



**Suara Sarawak**

**Anda Mungkin Suka**